

Perkhidmatan sakit tuan di KNS diperluas

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berancang memperluaskan perkhidmatan sakit tuan di Klinik Nur Sejahtera (KNS) di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Rina Harun, berkata sebelum ini ia dikhususkan kepada golongan wanita untuk mendapatkan perkhidmatan sakit puan di KNS yang diwujudkan di Kuala Lumpur dan kelmarin, kementerianya melancarkan projek rintis di Dungun, Terengganu bagi perkhidmatan saringan kesejahteraan kesihatan lelaki.

Beliau berkata, projek rintis ini bertujuan membantu golongan lelaki yang berdepan masalah kesihatan sakit tuan, selain mendapatkan maklum balas sebelum diperluaskan di 47 KNS lain di seluruh negara.

Katanya, kebanyakan golongan lelaki malu untuk menceritakan masalah penyakit dihadapi mereka seperti hiperplasia prostat benigna (BPH) atau pembesaran prostat bukan kanser.

“Pada pelancaran projek rintis semalam (kelmarin) ada dalam kalangan lelaki tampil membuat

pemeriksaan dan menceritakan masalah kesihatan dihadapi mereka, dari sini kita mendapat maklum balas sama ada program ini mendapat sambutan atau tidak sebelum diperluaskan di seluruh negara.

“Perkhidmatan kesejahteraan lelaki ini sebagai tambahan kepada fungsi utama KNS yang lebih menjurus kepada kesihatan reproduktif wanita dan sebelum hanya disediakan di KNS di Kuala Lumpur,” katanya selepas menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kementerianya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff dan Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff.

Seramai 642 menerima anugerah dan 15 daripadanya membabitkan golongan orang kurang upaya (OKU) iaitu pegawai dan kakitangan sokongan di KPWKM serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kelmarin, media melaporkan, sempena Sambutan Hari Bapa peringkat Kebangsaan di KNS Dungun, Terengganu, KPWKM melancarkan projek rintis pertama pada peringkat negeri yang



Rina menyampaikan anugerah kepada Hong Ling Ling dari JKM Sarawak pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

menyediakan perkhidmatan tambahan khusus untuk bantuan psikososial dan pendidikan kesihatan kepada lelaki setempat.

Rina berkata, sepanjang bulan

ini, kementerianya turut menyediakan 100 pemeriksaan kepada lelaki untuk membuat saringan kesihatan di setiap negeri di seluruh negara.

“Kita berharap lebih ramai lelaki mengunjungi KNS di seluruh negara melalui perkhidmatan kesihatan daripada pakar yang disediakan,” katanya.